

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**HSBC AMANAH MALAYSIA
BERHAD** [200801006421 (807705-X)]

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat Keputusan untuk menggunakan Kad Kredit-i HSBC Amanah.

Kad Kredit-i

Tarikh:

Penggunaan Kad Kredit-i HSBC Amanah tersebut tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad yang merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat Universal.

1. Apakah produk ini?

Kad Kredit-i ini adalah berasaskan konsep Syariah Tawarruq (melalui transaksi Murabahah Komoditi) dan digunakan terutamanya bagi pembayaran barangan dan perkhidmatan. **Had Kredit** akan diberikan oleh kami kepada anda dan sekiranya mana-mana jumlah kredit atau pembiayaan yang telah digunakan oleh anda tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang, jumlah yang belum dijelaskan tersebut akan tertakluk kepada kadar keuntungan berkesan.

Sila baca Pek Aluan Kad Kredit-i yang berkaitan yang mengandungi maklumat lanjut mengenai produk ini.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah?

Konsep Syariah yang digunapakai ialah Tawarruq (melalui transaksi Komoditi Murabahah), yang terdiri daripada dua kontrak jual beli.

- a) Pertama, ia melibatkan penjualan Komoditi oleh Bank (sebagai penjual) kepada Bank (bagi pihak anda sebagai pembeli) secara bayaran tertanggung melalui akad **Bai' Murabahah**.
- b) Seterusnya, Bank bagi pihak anda akan menjual komoditi yang sama secara tunai dan serta-merta kepada Pembeli Komoditi.

Hasil daripada transaksi jualan tersebut akan disediakan oleh Bank kepada anda sebagai had kredit Kad Kredit-i anda untuk kegunaan anda.

3. Apakah manfaat yang saya peroleh daripada produk ini?

i. **Had kredit yang diluluskan dan Manfaat Produk seperti yang dinyatakan dalam Pek Aluan Kad Kredit-i yang berkaitan.**

ii. **Program Penukaran Baki Automatik (ABC):**

Boleh digunakan untuk pemegang kad terpilih yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:

- Pendapatan tahunan kurang atau sama dengan RM60,000
- Nisbah pembayaran* dalam 12 bulan terakhir sama ada kurang atau sama dengan 10%

*Nisbah pembayaran = Jumlah pembayaran yang dibuat dalam 12 bulan terakhir/ Jumlah baki penyata bagi 12 bulan terakhir.

Pemegang kad yang layak akan dinilai dan didaftarkan secara automatik untuk program ABC setiap 12 bulan dengan pemberitahuan selepas memenuhi Kriteria Kelayakan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Program ABC. Untuk maklumat lanjut, kunjungi www.hsbcamanah.com.my/abc.

iii. **Kadar Keuntungan Berkesan**

	Kadar Keuntungan Berkesan Setahun	Catatan
Pembelian	15.0%	Tahap 1: Pemegang kad yang membuat Bayaran Bulanan Minimum tepat pada masa selama 12 bulan berturut-turut.
	17.0%	Tahap 2: Pemegang kad yang membuat Bayaran Bulanan Minimum tepat pada masa sekurang-kurangnya 10 bulan dalam 12 bulan terakhir.
	18.0%	Tahap 3: Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas.
Pendahuluan Tunai	18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah pengeluaran tunai, dikira setiap hari.

Ansuran Pemindahan Baki	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Ansuran Pemindahan Baki, dikira berdasarkan baki menurun.
Pelan Ansuran Tunai	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Pelan Ansuran Tunai, dikira berdasarkan baki menurun.
Penukaran Baki Automatik	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Pelan Penukaran Baki Automatik, dikira berdasarkan baki menurun.
Pelan Penukaran Baki	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Penukaran Baki, yang dikira berdasarkan baki menurun.
Penukaran Baki Pelepasan	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Pelan Penukaran Baki, dikira berdasarkan baki menurun.
Pelan Ansuran Kad	Sehingga 18.0%	Daripada baki yang terkumpul daripada jumlah Penukaran Baki Pelepasan, dikira berdasarkan baki menurun.
SmartCash Plus	Sehingga 18.0%	Daripada baki terkumpul daripada jumlah SmartCash Plus, dikira berdasarkan baki menurun.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Bayaran Bulanan Minimum	<ul style="list-style-type: none"> • 5% daripada Baki Semasa + 100% ansuran bulanan Pelan Ansuran Kad Kredit (jika ada) + sebarang bayaran minimum yang belum dijelaskan seperti yang dinyatakan dalam penyata Kad bagi bulan-bulan terdahulu, ATAU RM50, yang mana lebih tinggi. • Pelan Ansuran Kad Kredit merujuk kepada semua pelan ansuran tetapi tidak terhad kepada Pelan Ansuran Kad (IPP), Pelan Ansuran Tunai (CIP), Ansuran Pemindahan Baki (BTI), Pelan Penukaran Baki (BCP) and Penukaran Baki Automatik (ABC).
--------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Tempoh Tangguh

- Bagi transaksi runcit – 20 hari dari Tarikh penyata, sekiranya anda menjelaskan baki sepenuhnya dan tepat pada masanya.
- Sekiranya anda tidak membuat bayaran penuh dan tepat pada masanya, keuntungan yang perlu dibayar bagi transaksi runcit akan dikira mulai tarikh transaksi diposkan.
- Tempoh Tangguh tidak terpakai bagi pemindahan baki atau pengeluaran tunai.

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan anda.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

(i) Yuran Tahunan

Jenis Kad	Utama (RM)	Tambahan (RM)
HSBC Amanah MPower Credit Card-i*	Dikecualikan	Dikecualikan
HSBC Amanah MPower Platinum Credit Card-i*	240*	120*
HSBC Amanah MPower Platinum Credit Card-i (Upgraded from MPower Credit Card-i)	90*	45*
HSBC Amanah Premier World Mastercard® Credit Card-i*	Dikecualikan	Dikecualikan

(ii) Fi & Caj Lain

Fi Pendahuluan Tunai*	<p>Pendahuluan Tunai: RM8.70 setiap transaksi.</p> <p>Pelan Ansuran Tunai: 2% daripada jumlah yang diluluskan. Fi ini dikenakan bagi setiap Pelan Ansuran Tunai yang diluluskan di bawah RM5,000 melainkan dinyatakan sebaliknya.</p>
------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Penukaran Transaksi Luar Negara	Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit-i untuk transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, jumlah tersebut akan ditukar pada kadar pertukaran yang ditetapkan oleh Visa International atau Mastercard® International, mengikut kes, pada tarikh penukaran, serta dikenakan kos penukaran mata wang asing sebanyak 1% dan sebarang fi transaksi yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard® International.
Permintaan Penyata*	Sekiranya penyata 12 bulan atau kurang: RM2 setiap muka surat. Sekiranya penyata lebih daripada 12 bulan: RM20 setiap permintaan dan RM2 setiap muka surat.
Fi Penggantian Kad	RM50 setiap kad.
Cukai Perkhidmatan	RM25 setahun bagi setaip Kad Kredit-i utama atau tambahan.

Nota: Fi dan caj tertakluk kepada cukai, jika berkenaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Tariff & Charges di www.hsbcamanah.com.my*

6. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

i) Ganti Rugi Kelewatan Bayaran

Anda akan dikenakan caj sekurang-kurangnya RM10 atau 1% daripada baki tertunggak, mengikut mana yang lebih tinggi, sehingga maksimum RM100. Ganti rugi ini tidak boleh digabungkan atau ditambah kepada baki tertunggak bagi pengiraan caj keuntungan.

ii) Hak untuk Tolak

HSBC Amanah Malaysia Berhad mempunyai hak untuk tolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan di HSBC Amanah Malaysia Berhad terhadap sebarang baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit-i ini.

iii) Tanggungjawab bagi Transaksi Tanpa Kebenaran

Anda mestilah sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad Kredit-i anda dan tidak mendedahkan PIN kepada orang yang tidak dibenarkan. Sekiranya anda mendapati bahawa Kad Kredit-i anda hilang, dicuri, terdapat transaksi tanpa kebenaran yang dicaj ke kad kredit, atau PIN mungkin telah dikompromi, anda mesti: (i) memaklumkan Bank dengan segera; (ii) membuat laporan polis; dan (iii) seterusnya

memaklumkan Bank dengan salinan laporan polis. Anda tidak akan bertanggungjawab terhadap transaksi kad yang dipertikaikan kecuali jika didapati bahawa anda: (i) bertindak secara penipuan; atau (ii) melambatkan pemberitahuan kepada Bank secepat mungkin selepas menyedari kehilangan/kecurian kad kredit atau transaksi tanpa kebenaran pada kad kredit; atau (iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau (iv) merekod PIN pada kad kredit atau apa-apa yang disimpan berhampiran kad kredit; (v) meninggalkan kad kredit atau item yang mengandungi kad tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau (vi) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad kredit. Sekiranya anda gagal berbuat demikian, Bank berhak mengenakan jumlah penuh transaksi tanpa kebenaran (termasuk keuntungan dan ganti rugi kelewatan bayaran yang berkenaan) kepada anda.

7. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya menjelaskan baki sepenuhnya sebelum tarikh matang?

Tiada fi dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tarikh matang. Bank akan memberikan rebat (ibra') yang bersamaan dengan keuntungan tertanggung pada masa penyelesaian.

Formula Ibra; (rebat):

Rebat (Ibra') akan diberikan dan dikira oleh Bank seperti berikut:

- i) berdasarkan perbezaan antara Keuntungan Maksimum dan Keuntungan Berkesesan; dan
- ii) diberikan pada akhir Tempoh Kontrak Murabahah, tertakluk kepada penyelesaian penuh, atau apabila penyelesaian penuh dibuat dan Kad Kredit-i anda dibatalkan atau ditamatkan.

8. Apakah risiko utama yang terlibat?

- Sekiranya anda hanya membayar jumlah minimum yang perlu dibayar, ia akan mengambil masa lebih lama dan mengakibatkan kos lebih tinggi untuk menyelesaikan baki tertunggak. Fikirkan tentang keupayaan pembayaran anda semasa menggunakan Kad Kredit-i.
- Sekiranya anda menggunakan kad kredit anda untuk membayar pembiayaan lain, ia mungkin mengakibatkan kos lebih tinggi.
- Sekiranya anda menghadapi masalah membayar baki Kad Kredit-i anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Anda harus memaklumkan kami dengan segera selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit-i anda.
- Kami berhak untuk menolak/membatalkan kemudahan kredit lain yang anda miliki dengan kami mengikut terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad.
- Kegagalan membayar Bayaran Bulanan Minimum anda sebelum Tarikh Tempoh boleh menjejaskan penarafan kredit anda seperti yang dilaporkan kepada CCRIS (Central Credit Reference Information System).

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan butira bagi memastikan semua amaran transaksi dan surat-menyurat sampai kepada anda dengan tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian aduan?

- i) Sekiranya anda menghadapi masalah membayar baki Kad Kredit-i anda dan ingin membincangkan alternatif pembayaran, atau jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan, anda boleh menghubungi kami di:

HSBC Amanah Malaysia Berhad Card Services

P.O. Box 13688

50818 Kuala Lumpur

Tel: 03-8321 5200 or 1300-80-2626

Laman Web: www.hsbcamanah.com.my

- ii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan khidmat percuma dalam pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan, dan penstrukturan semula hutang untuk

individu. Anda boleh menghubungi AKPK. Sekiranya anda berminat untuk mendapat pendidikan mengenai penggunaan kredit yang betul dan pengurusan wang asas bagi pengurusan kewangan yang bijak dan disiplin, sila pertimbangkan Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) yang dikendalikan oleh AKPK. Untuk maklumat lanjut atau untuk mendaftar program ini, sila hubungi AKPK di 03 2616 7766 atau lawati laman web di www.akpk.org.my.

- iii) Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan dengan puas oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

BNMLINK, Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

Fax: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN BAKI KAD KREDIT-i ANDA.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 02/03/2026.

Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 200801006421 (807705-X)).